

15/09/1997

Kemalangan babitkan bas paling tinggi

Bakhari Ariff

SHAH ALAM, Ahad - Kementerian Pengangkutan yang bimbang dengan kadar kemalangan membabitkan bas yang tinggi akan mengadakan pertemuan dengan persatuan pengusaha bas 19 September ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Mohd Ali Rustam, berkata pertemuan itu membabitkan pengusaha bas berhenti-henti, ekspres dan pelancong.

Daripada 35,224 kemalangan tahun lalu, sebanyak 10,236 atau 29 peratus kemalangan membabitkan bas berbanding lori (9.9 peratus), kereta (5.5 peratus) dan motosikal (1.9 peratus).

"Saya akan memberi makluman dan arahan kepada pengusaha bas mengenai kadar kemalangan tinggi yang membabitkan bas, selain mendapatkan maklumat terus daripada pengusaha berkenaan," katanya kepada pemberita selepas melancarkan produk Auto-Run di sini, hari ini.

Kebanyakan kemalangan berpunca kerana pemandu bas memandu melebihi had laju, berlumba, memotong dengan cara berbahaya, bersikap tidak bertolak ansur dan tidak memandu di lorong sebelah kiri sekali.

Mohd Ali menasihatkan pengusaha bas khususnya bas ekspres dan pelancong mempercepatkan pemasangan kotak hitam bagi mengawal had laju perjalanan bas masing-masing.

"Kerajaan sudah melantik Delcom Services Sdn Bhd memasang serta mengkaji kesesuaian penggunaan kotak hitam bagi kenderaan.

"Walaupun Delcom dalam proses mengatasi masalah teknikal untuk memasang alat itu, kita mahu pengusaha bas memasang alat itu secara beransur-ansur sebelum diwajibkan awal tahun depan," katanya.

Menurutnya, kementerian akan mempertingkatkan lagi kempen kesedaran bagi semua pemandu bas untuk memastikan kadar kemalangan akibat kenderaan itu boleh dikurangkan.

Mohd Ali berkata, kementerian juga akan mengadakan kempen keselamatan jalan raya bagi penunggang motosikal termasuk yang akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Merdeka, 18 September ini.

Selain itu, katanya, setiap Jumaat selama 20 minggu berturut-turut bermula 19 September ini akan diadakan kempen perlumbaan berhemat bagi pemandu motosikal di litar lumba Shah Alam.

Pertandingan perlumbaan berhemat atau 'Friday Night Bike Spring' yang dikenakan yuran kemasukan RM20 akan dilancarkan Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik.

"Mengikut kajian, peluang yang diberikan kepada remaja dan belia berlumba di litar itu dapat mengurangkan lumba haram," katanya.

(END)